



اَوْنُوْ سِيْتِي تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

SPOT CHECK ARAS 8

AINA QISTINA JAMIROSYADI & NURIN BATRISYA WAHID




Pada 25 Jun 2025, sebuah pemeriksaan mengejut telah dilakukan di aras 8, Kolej Puteri Mayang Selida, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Pemeriksaan mengejut ini dilakukan susulan laporan yang diterima, mengatakan bahawa aras 8 yang mengalami gangguan bekalan elektrik yang terputus.

Hal ini terjadi akibat tindakan sesetengah penghuni aras 8 yang dikatakan membawa barang terlarang seperti *electric cooking pot*, *extension* dan kipas angin sehingga menyebabkan gangguan bekalan elektrik. Oleh hal yang demikian, tindakan perlu diambil bagi mengelakkan masalah ini mengganggu aktiviti harian penghuni aras 8 yang lain.

Seramai 17 orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), dan Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (SJPK), serta Cik Nurashikin binti Mat Rashid, Staf Residen Kolej telah terlibat dalam pemeriksaan mengejut ini.

Sebelum pemeriksaan bermula sedikit taklimat telah diberikan oleh Saudari Aina Qistina binti Jamirosyadi, Naib Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Seremban, tentang barang-barang yang perlu di rampas dan tempat untuk meletakkan barang-barang tersebut setelah di rampas.





Setelah taklimat diberikan, semua JPK dan SJPK dipecahkan kepada beberapa kumpulan untuk memeriksa setiap bilik yang berlainan. Satu kumpulan mempunyai 3 orang. Setiap bilik diketuk dan diperiksa dengan teliti. Semua JPK dan SJPK perlu mengambil nama dan nombor pelajar pemilik barangan yang diambil dan perlu ditulis di atas barang tersebut bagi memudahkan proses pemulangan barang tersebut.

Akhirnya setelah satu jam pemeriksaan dilakukan, semua barangan telah dikumpulkan di dalam sebuah bakul, sebelum dibawa ke Bilik Gerakan. Pemeriksaan yang dilakukan telah menunjukkan bahawa hampir lebih dari separuh penghuni aras 8 telah membawa barang terlarang. Barang-barang yang diambil ini kemudian akan dibawa ke Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) untuk tindakan selanjutnya.

Pemeriksaan mengejut ini merupakan salah satu bentuk amaran yang diberikan kepada para penghuni kolej, supaya tidak melanggar peraturan yang ditetapkan. Tujuan barang-barang tersebut diambil adalah untuk memastikan, gangguan bekalan elektrik terputus tidak lagi berlaku dengan lebih kerap di aras tersebut. Hal ini akan mengganggu penghuni bilik yang lain, yang sentiasa menggunakan dan memerlukan bekalan elektrik untuk keperluan seharian. Tindakan membawa barang terlarang ini dianggap mementingkan diri dan seharusnya memerlukan tindakan tegas untuk diambil.

